



Anwar solat Jumaat di Surau Nurul Ikhlas

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menunaikan solat Jumaat bersama rakyat di Surau Nurul Ikhlas, Seri Kembangan. Beliau tiba di surau berkenaan kira-kira jam 1.20 tengah hari itu disambut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Aminuddin Shari serta ahli jawatankuasa surau berkenaan. Anwar bersama jemaah kemudian mendengar khutbah bertajuk 'Hijrah Suatu Kemerdekaan' yang disampaikan oleh Imam Surau Nurul Ikhlas, Akram Kamal. Isi khutbah yang disediakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) itu antaranya menyeru umat Islam perlu sama-sama menghayati hijrah dan bina kehidupan dengan berpandukan akidah, syariat dan akhlak Islam. Selepas menunaikan solat Jumaat, Perdana Menteri juga berkesempatan bertemu dengan pendakwah Ustaz Abdul Somad dan meluangkan masa bersalaman serta beramah mesra dengan jemaah sebelum beredar.